



Perkhidmatan kerajaan tempatan

Disampaikan oleh Jabatan Industri Kerajaan Tempatan, Sukan Dan Kebudayaan di Wilayah Lautan Hindi

1/04/2022

Perkhidmatan

Jabatan Industri Kerajaan Tempatan, Sukan Dan Kebudayaan – Kerajaan Tempatan, bagi pihak dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Australia, menyediakan perkhidmatan yang berikut:

- menyediakan perkhidmatan sokongan untuk menambah baik proses-proses urus tadbir kerajaan tempatan dan memastikan kewajipan berkanun ditunaikan
- membina kemampuan kerajaan tempatan untuk bergerak balas dengan lebih baik kepada tuntutan dan kehendak komuniti
- meninggikan tahap tanggungjawab dan pematuhan undang-undang
- menyampaikan perkhidmatan sokongan eksekutif kepada Suruhanjaya Bantuan Kewangan Kerajaan Tempatan Western Australia untuk menentukan pemberian bantuan kewangan kegunaan am Komanwel selaras dengan *Akta Kerajaan Tempatan (Bantuan Kewangan) 1995* (Komanwel).

Apakah ertinya bagi saya?

- Kerajaan tempatan disokong melalui peruntukan urus tadbir yang baik dan pematuhan undang-undang supaya mereka boleh menyampaikan perkhidmatan yang memenuhi keperluan komuniti sekarang dan pada masa depan.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya

Saluran	Butir-butir perhubungan
Telefon	08 6552 7300
E-mel	info@dlgsc.wa.gov.au
Laman web MyCouncil	www.mycouncil.wa.gov.au
Laman web	www.dlgsc.wa.gov.au/local-government